

**Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di  
Kosovo, Timor Laste dan Sudan: Pengalaman Detektif Sarjan Mejar  
Mohammad Bin Abd Rahman**

Mohd Nur Ekmal Mohd Zamri  
Nor Addina Farhanna Nordin  
Mohd Zairul Masron  
Nik Azliza Nik Ariffin

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam,  
Selangor.

**Abstrak**

*Artikel ini adalah berdasarkan kepada sumber utama iaitu dokumentasi lisan yang melibatkan seorang anggota polis berpangkat Detektif Sarjan Mejar iaitu Mohammad Bin Abd Rahman. Ia membicarakan pengalaman beliau menyertai Misi Pengaman PBB di tiga buah negara iaitu di Kosovo, Timor Leste dan Sudan. Artikel ini turut menerangkan tugas hakiki beliau, cabaran yang dihadapi, matlamat dan tanggungjawab sebagai seorang anggota Misi Pengaman PBB selain turut dikongsi anugerah yang diterima sepanjang beliau berkhidmat.*

**Kata Kunci:** *Detektif Sarjan Mejar Mohammad Bin Abd Rahman, PDRM, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kosovo, Timor Leste, Sudan.*

**Pengenalan**

PBB adalah singkatan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang pada asalnya dikenali sebagai Liga Bangsa-Bangsa Bersatu. Liga Bangsa-Bangsa Bersatu telah ditubuhkan selepas Perang Dunia Pertama. Setelah gagal menghalang Perang Dunia Kedua, Liga Bangsa-Bangsa Bersatu telah digantikan

dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 24 Oktober 1945 dan pusat operasi pertubuhan ini terletak di New York. PBB telah disertai oleh pelbagai negara di seluruh dunia termasuk Malaysia yang merupakan salah satu daripada ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Struktur organisasi PBB ini dikenali sebagai piagam. Piagam PBB mengandungi enam perkara iaitu Perhimpunan Agung, Majlis Keselamatan, Majlis Ekonomi Sosial, Majlis Peramanahan, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan Seketariat.

Terdapat beberapa kegiatan-kegiatan utama PBB yang terdiri daripada 7 bidang iaitu persidangan antarabangsa, tahun-tahun antarabangsa, kawalan dan pelucutan senjata, penjagaan keamanan, hak asasi manusia, bantuan kemanusiaan dan perkembangan antarabangsa dan undang-undang antarabangsa. Misi Pengaman PBB adalah satu cabang daripada agenda PBB dalam mentadbir keselamatan di dunia. Misi Pengaman di bawah PBB mempunyai tugas-tugas seperti mengawasi gencatan senjata dalam keadaan perang saudara di sesebuah negara, membantu untuk memulihkan konflik politik di sesebuah negara yang bergolak, membantu pihak berkuasa sesebuah negara untuk menubuhkan institusi pentadbiran untuk menguruskan negara dan memantau hal-hal mengenai hak asasi manusia atau pelanggaran terhadapnya. Artikel ini menyentuh secara terperinci pengalaman Detektif Sarjan Mejar Mohammad Bin Abd Rahman dalam menyertai Misi Pengaman PBB di tiga buah negara iaitu di Kosovo, Timor Leste dan Sudan.

### **Pengalaman Menyertai Misi Pengaman Pbb Di Tiga Buah Negara: Kosovo, Timor Leste, Sudan**

Detektif Sarjan Mejar Mohammad Bin Abd Rahman yang berpengalaman lebih dari 34 tahun dalam dunia kepolisan telah berkongsi banyak pengalaman sepanjang beliau menjalankan tugas sebagai seorang anggota polis dalam Misi Pengaman PBB di tiga buah negara yang bergolak iaitu Kosovo, Timur Leste dan Sudan.

### **Pengalaman Menyertai Misi Pengaman PBB di Kosovo**

Umum mengetahui bahawa Kosovo adalah sebahagian daripada wilayah di Yugoslavia. Majoriti penduduk di Kosovo adalah beragama Islam. Punca pergolakan yang berlaku di Kosovo adalah disebabkan perebutan sesuatu kawasan di antara kaum Albanian dan Serbia sehingga berlakunya pembunuhan, pergaduhan dan juga kemusnahan bangunan-bangunan. Sememangnya, matlamat utama Misi Pengaman PBB ini adalah untuk mengekalkan dan menstabilkan keadaan yang berlaku di negara bergolak. Justeru, pada tahun 1999 pihak PBB terpaksa campur tangan dan telah mengeluarkan satu mandat di bawah Resolusi 1244 yang dikenali sebagai *United Nations Integrated Mission in Kosovo* (UNMIK). Pada tahun 2000, pihak PDRM telah menghantar seramai 45 orang anggotanya ke kawasan misi dan Detektif Sarjan Mejar Mohammad adalah salah seorang anggota yang terlibat dalam Misi Pengaman PBB di Kosovo. Beliau telah diperuntukkan untuk bertugas di Kosovo selama satu tahun.

### **Tugas Hakiki Anggota Misi Pengaman PBB di Kosovo**


Di samping itu, tugas-tugas hakiki Detektif Sarjan Mejar Mohammad semasa berada di kawasan misi adalah seperti memantau kawasan setempat, memberi nasihat kepada penduduk dan juga anggota polis tempatan, membuat laporan mengenai tugas-tugas harian anggota polis tempatan, memberi latihan kepada anggota polis tempatan dan juga memberi sokongan kepada anggota polis di Kosovo. Ini kerana, kebanyakan institusi polis di negara-negara bergolak ini meraka tidak mempunyai infrastruktur yang baik untuk menjalani aktiviti kepolisan. Justeru, pihak PBB iaitu anggota PDRM sendiri datang memberi sokongan, galakan, latihan, nasihat kepada mereka untuk menjadi seorang pegawai polis yang dapat menjalankan tugas-tugas harian dengan baik kepada masyarakat mereka sendiri.



Gambar 1: Ketika beliau bertugas di Kosovo pada tahun 2000

### **Cabaran Misi Pengaman PBB di Kosovo**

Ketika bertugas di kawasan misi, Detektif Sarjan Mejar Mohammad terpaksa menghadapi beberapa cabaran. Antara bentuk cabaran yang dihadapi oleh beliau adalah dari segi cuaca. Ini kerana, di Kosovo cuacanya adalah beriklim sejuk dan ini menyukarkan beliau untuk bergerak ke sesuatu tempat. Selain itu, makanan juga adalah salah satu cabaran yang dihadapi oleh Detektif Sarjan Mejar Mohammad kerana di Kosovo makanan asasnya adalah berasaskan gandum dan juga keju. Beliau dan anggota PDRM yang lain sukar untuk mendapatkan bekalan beras kerana ianya terlalu terhad di sana. Sepanjang berada di kawasan misi, beliau terpaksa menyesuaikan diri dengan cara pemakanan orang-orang di sana untuk bertahan hidup. Dalam pada itu, cabaran lain ketika beliau berada di kawasan misi adalah masalah komunikasi. Majoriti penduduk di Kosovo bertutur dalam Bahasa Albanian. Oleh itu, pihak PBB sendiri telah melantik seorang jurubahasa dari kalangan penduduk tempatan yang fasih berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris untuk memudahkan anggota PBB yang sedang bertugas di kawasan misi berkomunikasi dengan penduduk tempatan.



Gambar 2: Beliau bersama salah seorang jurubahasa ketika berada di kawasan misi

Seterusnya, Detektif Sarjan Mejar Mohammd telah dibekalkan dengan senjata sendiri ketika berkhidmat di kawasan misi. Senjata ini sangat penting untuk menjaga keselamatan diri sendiri dan juga dapat membantu menjaga keselamatan penduduk setempat. Ini kerana, di Kosovo cabarannya tidak terjangka dan apa jua perkara yang tidak diingini boleh berlaku. Selain itu, semasa berkhidmat di Kosovo kegiatan masa lapang beliau sangat terhad kerana tertakluk kepada peraturan dan arahan oleh pihak PBB. Beliau tidak boleh sewenang-wenangnya keluar kerana terdapat beberapa zon-zon tertentu yang tidak dibenarkan masuk. Terdapat beberapa kawasan yang dipenuhi dengan periuk api dan juga kawasan yang menjadi sasaran pemberontak. Dengan keadaan tersebut, beliau terpaksa mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti yang berfaedah seperti menziarahi rakan-rakan dan juga melawat kampung-kampung untuk melihat budaya hidup penduduk di Kosovo.

Pada masa yang sama, semasa Detektif Sarjan Mejar Mohammad bertugas di kawasan misi banyak perkara di luar jangkaan yang berlaku. Sebagai contoh, semasa berlangsungnya kempen politik beliau terdengar beberapa bunyi das tembakan dan juga letupan bom secara terbuka. Selain itu, beliau juga berdepan dengan situasi di mana berlakunya pergaduhan di sebuah stesen bas di antara

penduduk tempatan dan mereka menggunakan bom tangan dan juga pistol sebagai alat untuk bertengkar. Pergaduhan tersebut berlaku disebabkan oleh perkara yang remeh. Beliau telah terselamat daripada kejadian tersebut kerana tindak balas yang pantas daripada pasukan polis PBB yang berjaya mengawal keadaan. Jika berlakunya pergaduhan di antara penduduk tempatan, bunyi letupan bom dan juga bunyi tembakan pistol itu diibaratkan seperti bunyi mercun sahaja. Keadaan seperti itu sudah biasa di sana. Ia bukan mencabar pihak PBB tetapi ia adalah keadaan sebenar yang berlaku di kawasan konflik. Sebagai anggota pengaman PBB ia perlu difahami dan sentiasa bersedia menghadapi risiko yang berlaku.

### **Pengalaman Menyertai Misi Pengaman Di Timor Leste**

Punca pergolakan di Timor Leste adalah disebabkan oleh pergaduhan di antara dua puak iaitu kumpulan pro-Indonesia dan kumpulan pro untuk kemerdekaan Timor Leste. Perbalahan di antara dua puak ini telah menyebabkan berlakunya pembunuhan beramai-ramai sehingga menjadikan keadaan di Timor Leste tidak terkawal. Oleh itu, pihak PBB terpaksa campur tangan dalam menangani situasi ini. Pada tahun 2006 pihak PBB telah melaksanakan satu Resolusi iaitu satu mesyuarat dan mengisytiharkan satu mandat yang diberi nama UNMIT. UNMIT merujuk kepada *United Nations Integrated Mission in Timor-Leste*. Seramai 22 orang anggota PDRM yang telah terpilih untuk menyertai Misi Pengaman PBB di Timor Leste dan Detektif Sarjan Mejar Mohammad merupakan salah seorang daripadanya. Beliau telah diarahkan untuk berkhidmat di sana selama satu tahun.

### **Tugas Hakiki Misi Pengaman Di Timor Leste**

Terdapat beberapa tugas hakiki Detektif Sarjan Mejar Mohammad semasa berkhidmat di Timor Leste. Antaranya memberi sokongan kepada polis-polis tempatan dalam melaksanakan tugas kepolisan. Selain itu, beliau juga memberi sokongan moral kepada penduduk tempatan yang terlibat dengan pergaduhan di antara dua puak tersebut. Di samping itu, beliau juga turut membuat pemantauan

terhadap cara polis-polis tempatan melaksanakan tugas mereka berdasarkan undang-undang yang telah sedia ada. Sehubungan dengan itu, beliau akan menasihati polis-polis tempatan ini mengenai tugas mereka. Beliau juga memberi nasihat kepada anggota polis di Timor Leste mengenai cara-cara menghadapi cabaran yang diberikan oleh orang awam. Contohnya beliau menasihati agar anggota polis tempatan ini agar tidak sewenang-wenangnya melepaskan tembakan ketika berada di kawasan terbuka kerana dikhuatiri akan mencederakan orang awam. Jika diteliti dengan lebih mendalam, Detektif Sarjan Mejar Mohammad akan membuat pelaporan mengenai kemajuan anggota polis di Timor Leste. Sebagai lanjutan daripada itu, beliau akan memberi latihan kepada anggota polis tempatan di sana bagi memastikan mereka bersedia dalam menghadapi apa jua cabaran yang berlaku.



Gambar 3: Beliau bersama anggota polis dan tentera dari Australia, Thailand, Filipina, Pakistan, Bangladesh dan India ketika bertugas di Timor Leste pada tahun 2007

### **Cabaran Misi Pengaman Di Timor Leste**

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas, kita dapat lihat betapa keadaan di Timor Leste tidak terkawal sehingga menyebabkan pihak PBB terpaksa melaksanakan Misi Pengaman di Timor Leste. Menurut Detektif Sarjan Mejar Mohammad, beliau ada nyatakan sepanjang berkhidmat di Timor Leste banyak juga perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Sebagai contoh, beliau

dan rakan-rakan berada berhampiran dengan kawasan di mana dua puak itu sedang berbalah. Beliau terpaksa menunggu bantuan daripada anggota PBB yang lain kerana keadaan pada waktu itu sudah tidak terkawal. Kedua-dua puak itu saling berbalas tembakan. Walaupun beliau dibekalkan senjata semasa berkhidmat dalam Misi Pengaman PBB di Timor Leste namun beliau tidak dibenarkan menggunakan senjata tersebut sesuka hati. Beliau dan rakan ketika itu terpaksa berlindung di sebalik tembok sementara menunggu bantuan sampai. Walaupun serangan yang terjadi tidak berlaku secara langsung kepada Detektif Sarjan Mejar Mohammad namun sudah pasti keadaan itu tidak akan dilupakan oleh beliau.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dipelajari oleh Detektif Sarjan Mejar Mohammad semasa ditugaskan dalam Misi Pengaman PBB di Timor Leste. Menurut beliau, penerimaan penduduk tempatan terhadap kedatangan beliau di sana adalah sangat baik. Hal ini kerana beliau tidak mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan. Jika di negara-negara lain, beliau menggunakan khidmat jurubahasa jika ingin berkomunikasi dengan penduduk tempatan tetapi, ia tidak berlaku di Timor Leste. Kebanyakan rakyat Timor Leste fasih berbahasa Indonesia. Oleh itu, perkara ini tidak menjadi masalah untuk beliau berkomunikasi. Dari aspek sambutan perayaan juga tiada masalah bagi beliau. Sepanjang berkhidmat di Timor Leste, Detektif Sarjan Mejar Mohammad sempat menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Beliau dan rakan-rakan mengambil peluang untuk bersama-sama penduduk tempatan menunaikan solat Hari Raya Aidilfitri di Masjid An-Nur yang terletak di Dili, ibu negeri Timor Leste. Menurut apa yang dinyatakan oleh beliau, sambutan Hari Raya Aidilfitri di Timor Leste tidak jauh berbeza dengan suasana di Malaysia. Contohnya, seperti kebiasaan setelah selesai solat sunat Hari Raya mereka akan bersalam-salaman sesama mereka. Kemudian beliau telah dijemput ke rumah penduduk tempatan bagi menjamu juadah yang telah disediakan. Walaupun hampir 90 peratus penduduk tempatan di Timor Leste beragama Kristian namun, tiada masalah bagi beliau untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri di kawasan misi. Sehubungan dengan itu, beliau juga tidak mempunyai masalah



untuk melakukan aktiviti di waktu lapang. Sebagai contoh, beliau boleh bersukan dan menangkap ikan bersama-sama penduduk tempatan.

### **Pengalaman Menyertai Misi Pengaman Di Sudan**

Misi Pengaman PBB yang terakhir disertai oleh Detektif Sarjan Mejar Mohammad ialah di Dafur, Sudan. Punca pergolakan yang berlaku di Dafur, Sudan adalah disebabkan oleh perebutan sesuatu kawasan yang mempunyai nilai perdagangan yang tinggi, dan masalah politik serantau. Pergolakan di antara kaum Arab Badwi, Fur dan juga Zaghwa. Majoriti kaum yang terlibat di dalam pergolakan tersebut adalah beragama Islam. Apabila konflik tersebut berlaku, ia telah menyebabkan pergaduhan berlaku sehingga menyebabkan kematian dan kemusnahan harta benda. Keadaan ini berterusan sehingga menyebabkan ahli-ahli politik terbeban dan buntu untuk menyelesaikan masalah di sesuatu kawasan dan pihak PBB terpaksa campur tangan untuk mengawal keadaan. Oleh hal yang demikian, pada tahun 2017 pihak PBB telah mengeluarkan satu mandat dikenali sebagai *United Nations Mission in Dafur, Sudan* (UNAMID). Dengan itu, pada tahun 2017 pihak PDRM telah menghantar anggota ke kawasan misi. Detektif Sarjan Mejar Mohammad merupakan salah seorang daripada sembilan anggota kumpulan yang keempat telah dihantar ke Misi Pengaman PBB di Dafur, Sudan. Beliau telah diperuntukkan untuk bertugas di Dafur, Sudan selama satu tahun.

### **Tugas Hakiki Anggota Misi Pengaman Di Sudan**

Di samping itu, tugas-tugas hakiki beliau semasa berada di kawasan misi adalah sama sahaja seperti tugas-tugas harian seorang anggota polis. Antara tugas-tugas beliau adalah seperti membuat rondaan di kawasan setempat, membuat laporan, menerima maklumat risikan dan juga menerima maklumat daripada orang awam tentang apa jua permasalahan yang berlaku. Selain itu, beliau bersama-sama NGO tempatan melawat pusat-pusat pelarian untuk memberi keyakinan dan mendapatkan maklumat keselamatan daripada mereka. Sementara itu, beliau juga memberi sedikit pengetahuan kepada penduduk

setempat bagaimana cara-cara untuk menjaga keselamatan diri dan juga cara-cara untuk mencegah jenayah. Dalam pada itu, Detektif Sarjan Mejar Mohammad bersama beberapa anggota PBB juga mengajar penduduk tempatan cara memahami dan juga berinteraksi dalam Bahasa Inggeris. Pada waktu yang sama, Detektif Sarjan Mejar Mohammad tidak dibekalkan dengan senjata ketika bertugas di kawasan misi. Ini kerana, tugasnya tidak memerlukan beliau untuk menggunakan senjata dan ini adalah arahan dari pihak PBB.



Gambar 4: Ketika beliau bertugas di Darfur, Sudan pada tahun 2017

### **Cabaran Misi Pengaman Di Sudan**

Semasa bertugas di kawasan misi, Detektif Sarjan Mejar Mohammad berdepan dengan beberapa cabaran, antara cabarannya yang dihadapi adalah dari segi kemudahan asas. Amatlah sukar untuk beliau mendapatkan kemudahan asas yang secukupnya. Hal ini bersangkutan-paut dengan bentuk muka bumi Dafur, Sudan yang dikelilingi padang pasir dan juga gunung-ganang. Selain itu, cuaca di Sudan juga menjadi cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh beliau. Keadaan cuaca di Sudan tidak menentu dan sering terjadi ribut pasir. Di sekitar kawasan misi pula tidak terdapat saluran air yang baik sehingga menyebabkan banjir besar berlaku. Dalam pada itu, beliau juga sukar untuk mendapatkan bekalan makanan ketika bertugas di kawasan misi. Maka, beliau bersama pihak pengaman PBB yang lain terpaksa membuat persiapan awal

seperti menyediakan makanan sejuk beku yang secukupnya. Selain daripada itu, masalah lain yang dihadapi oleh beliau semasa bertugas dalam Misi Pengaman PBB di Sudan adalah cara berkomunikasi. Hal ini demikian kerana penduduk tempatan menggunakan Bahasa Arab untuk berkomunikasi. Oleh itu, pihak PBB telah membekalkan salah seorang jurubahasa dari kalangan penduduk setempat yang fasih berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris untuk memudahkan anggota PBB yang sedang bertugas di kawasan misi berkomunikasi dengan penduduk setempat.

Di samping itu, sepanjang beliau bertugas di kawasan misi banyak perkara yang tidak diingini berlaku. Antaranya seperti kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki oleh beliau rosak di tengah padang pasir. Walaupun kekurangan peralatan, mekanik yang bertugas tetap perlu membaiki kenderaan tersebut. Jika tidak dibaiki, beliau terpaksa bermalam di tengah padang pasir tanpa bekalan air dan makanan yang secukupnya. Selain itu, beliau juga mempunyai masalah dengan sistem navigasi. Sistem navigasi yang sering rosak menyebabkan beliau telah tersasar jauh dari laluan yang sepatutnya dan tersesat sehingga dua kilometer jaraknya. Sistem navigasi sangat penting bagi anggota pengaman PBB kerana laluan di kawasan gurun berpasir ini tidak disediakan papan tanda. Selain itu, beliau juga terdedah dengan serangan dan sekatan yang dilakukan oleh pemberontak terhadap anggota PBB.

### **Penganugerahan**

Sepanjang berkhidmat dalam Misi Pengaman PBB di tiga buah negara, Detektif Sarjan Mejar Mohammad telah menerima beberapa anugerah. Anugerah pertama yang diterima oleh beliau adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1996. Kemudian beliau telah menerima Pingat PBB daripada Pesuruhjaya Polis di Kosovo pada tahun 2001. Pada tahun 2002 pula beliau telah menerima Pingat Juara Penuh Disiplin bagi kategori pelaksanaan. Semasa berkhidmat dalam Misi Pengaman PBB di Timor Leste, beliau sekali lagi telah dianugerahkan Pingat PBB oleh Pesuruhjaya Polis di Timor Leste pada tahun 2007. Anugerah paling istimewa yang pernah beliau terima adalah Anugerah

Pingat Jasa-Jasa Kebaktian (PJK). Beliau telah dianugerahkan pingat ini pada tahun 2009 oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Pada tahun 2013 pula beliau sekali lagi telah dianugerahkan Pingat Juara Penuh Disiplin bagi kategori penyeliaan. Anugerah terakhir yang beliau terima setakat ini adalah Pingat PBB daripada Pesuruhjaya Polis di Sudan pada tahun 2017. Selain daripada semua anugerah-anugerah ini, beliau juga telah menerima beberapa surat penghargaan. Beliau pernah menerima surat penghargaan daripada Ketua Polis Negara, Ketua Polis Negeri Sembilan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Pengarah PLKN dan Menteri Dalam Negeri Timor Leste. Anugerah yang diterima oleh beliau ini setimpal dengan pengalaman dan jasa beliau yang banyak dalam Misi Pengaman PBB. Beliau juga telah berkhidmat bersama PDRM selama 34 tahun dan kini beliau menyandang salah satu jawatan tertinggi dalam Jabatan Siasatan Jenayah Bahagian D7 (Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat) di IPK Seremban, Negeri Sembilan.

### **Kesimpulan**

Detektif Sarjan Mejar Mohammad Bin Abd Rahman merupakan insan yang telah banyak menabur jasa bukan sahaja kepada negara kita tetapi juga di mata dunia. Jasa beliau jelas dilihat bersama pasukan Pengaman PBB. Pengalaman berharga beliau ketika menyertai Misi Pengaman PBB boleh dijadikan panduan dan inspirasi kepada rakyat Malaysia. Ancaman yang berlaku di negara-negara bergolak ini telah mendatangkan banyak kesan negatif kepada masyarakat dan juga negara tersebut. Namun, keberanian yang ditunjukkan oleh anggota polis seperti Detektif Sarjan Mejar Mohammad telah menyelamatkan negara-negara bergolak daripada ancaman. Misi-misi Pengaman yang telah dijalankan oleh PBB melalui pasukan polis sedikit sebanyak telah mengekang pergerakan ancaman di negara-negara tersebut dan seterusnya mematikan usaha-usaha mereka untuk menguasai negara-negara tersebut dan menyebarkan ideologi-ideologi mereka kepada masyarakat setempat.

Di samping itu, Detektif Sarjan Mejar Mohammad juga menyeru anggota polis yang masih muda agar menyertai Misi Pengaman PBB. Beliau tegaskan di

sini agar anggota polis yang masih muda ini supaya tidak menganggap kerjaya polis ini hanya sekadar di satu tempat. Kerjaya polis ini boleh diluaskan sehingga ke seluruh dunia. Sebagai salah satu caranya adalah dengan menyertai Misi Pengaman PBB. Beliau turut tegaskan agar menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab kerana seorang anggota polis itu bukan sahaja membawa nama baik diri mereka sendiri malah anggota-anggota polis ini turut membawa nama baik PDRM dan Malaysia.

### **Rujukan**

- Berita Nasional RTM Rasmi. (2017). Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa Bersatu Unamid – 9 Anggota Pdrm Dihantar. YouTube. [www.youtube.com/watch?v=zf\\_SxbyKT7I](http://www.youtube.com/watch?v=zf_SxbyKT7I).
- Jatswan S. Sidhu. (1996). Keamanan Sejagat: Satu Tinjauan Tentang Penglibatan Malaysia dalam Misi Pengaman (Peacekeeping Operations) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 1960-1996", Kongres Sejarah Malaysia II Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia dan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 26-28 November 1996.
- Mohamad Azim Fitri Abd Aziz. (2015). Malaysia akan hantar 380 polis untuk Misi Pasukan Pengaman PBB. Diambil dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/malaysia-akan-hantar-380-polis-untuk-misi-pasukan-pengaman-pbb-1.141027>.
- Mohamad Bin Abd Rahman [Temu bual personal]. (2019, April 7).
- Mokhtar A. Kadir. (1991). Keamanan Sejagat: Peranan Malaysia Dalam Politik Antarabangsa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). (2019). Diambil dari <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/penafian/1229-pertubuhan-bangsa-bangsa-bersatu-pbb.html>.
- Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2016). Diambil dari <https://www.facebook.com/PolisDirajaMalaysia/posts/bakti-sejagat-polispenyertaan-pertama-pdrm-dalam-misi-pengaman-pbb-bermula-denga/1282011461809158/>.
- Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police). (2017). Diambil dari <https://www.facebook.com/PolisDirajaMalaysia/posts/1685080688168898>.

Sofian Baharom. (2016). Malaysia garis 6 cadangan perkukuh misi PBB. Diambil dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/malaysia-garis-6-cadangan-perkukuh-misi-pbb-1.400370>.

Zulkifli Jalil. (2016). Pengaman: Pengiktirafan buat Malaysia. Diambil dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pengaman-pengiktirafan-buat-malaysia-1.379134>.